

# Risalah2 parti lawan hanya untuk kelirukan slogan Bersih, Amanah

**KUALA LUMPUR 22 Jun** — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata strategi parti lawan mengedarkan risalah-risalah "tidak sah dan tidak benar" kononnya kerajaan terlibat dengan rasuah adalah semata-mata untuk menimbulkan kononnya kerajaan tidak mengamalkan slogan "Bersih dan Amanah."

Beliau meminta orang ramai dan ahli-ahli UMNO khususnya supaya berhati-hati dan jangan terpengaruh dengan taktik kotor seperti itu yang digunakan oleh parti-parti lawan yang kehabisan mo-

dal dan semata-mata untuk kepentingan politik mereka.

Sambil memberikan contoh bagaimana gambarannya makan semeja dengan Lorraine Esmé Osman dan Kevin Hsu akan diedarkan oleh parti lawan, beliau berkata: "Saya tidak tahu beberapa lagi gambar saya ada di tangan mereka tetapi saya tahu ada orang yang telah menjualnya kepada parti lawan untuk digunakan dalam pilihanraya umum akan datang."

"Jika ada yang terpengaruh dengan taktik parti lawan ini dengan merasakan tentu ada api kerana ada asap, mereka bukan

sahaja mengurangkan kepercayaan terhadap kepimpinan saya, tetapi juga orang lain.

"Ini sudah tentu menjadikan parti lemah dan mungkin tewas dalam pilihanraya umum akan datang," ujarnya.

Malangnya, menurut beliau, propaganda pembangkang itu sedikit sebanyak mendapat kesan di kalangan ahli-ahli UMNO yang ada mempercayai dakyah-dakyah itu.

"Ada ahli-ahli UMNO yang berjumpa saya minta disingkirkan si-polan si-polan yang kononnya terlibat dengan rasuah. Ini menunjukkan taktik itu ber-

kesan sekali dan akan terus digunakan dalam pilihanraya akan datang.

Perdana Menteri menjelaskan ada pula orang UMNO dan juga Barisan Nasional yang mengatakan kenapa tidak diambil tindakan terhadap 'crooks' atau penjenayah yang terdapat di kalangan UMNO.

Beliau berkata ini memang mudah diperkatakan tetapi tidak begitu mudah diambil tindakan memandangkan gerak kerajaan tertakluk kepada undang-undang negara.

Mengambil contoh BMF, beliau akui yang hilang adalah wang Bank

Bumiputra dan wang negara tetapi kerajaan sama sekali tidak berkuasa mengambil tindakan dan mengharap mahkamah London dan Hong Kong menyelesaikan masalah itu dengan mengambil tindakan terhadap 'penjenayah-penjenayah' berkenaan.

"Saya diberitahu proses perbicaraan BMF akan mengambil masa lima tahun sebelum dapat diselesaikan. Kes perbicaraan di London untuk mendapatkan izin membawa Lorraine Esmé Osman dan Hashim Shamsuddin ke Hong Kong untuk menghadapi perbicaraan memakan masa setahun dan menelan belanja berpuluh-puluh juta."

Beliau mengulangi sunguhpun wang yang lesap itu melibatkan wang Malaysia kerajaan tidak dapat mengambil tindakan oleh kerana ia berlaku di luar negara dan kerajaan tertakluk kepada undang-undang negara.

Dalam UMNO pun, katanya, parti terperangkap dengan perlembagaan UMNO sendiri sehingga orang-orang yang boleh merosakkan parti tidak dapat diambil tindakan oleh kerana mereka menggunakan mahkamah untuk melindungi kegiatan mereka.